

269 Rohingya mendarat di Pulau Langkawi

Kuala Lumpur: Seramai 269 etnik Rohingya yang dipercayai menempuh perjalanan selama hampir empat bulan dari kem pelarian di Myanmar mendarat di Langkawi, semalam.

Kelibat bot berkenaan dilihat memasuki perairan negara jam 4.20 pagi di Pantai Teluk Nibong, Langkawi.

Sumber memberitahu Harian Metro, 269 pelarian itu terdiri daripada 80 lelaki, 138 perempuan, 26 kanak-kanak lelaki dan 23 kanak-kanak perempuan.

“Selain itu, polis turut menemui satu mayat etnik Rohingya di perairan Langkawi. Mayat itu sudah dibawa ke hospital untuk dibedah siasat,” katanya.

Menurutnya, 53 daripada mereka dilaporkan terjun ke laut selepas bot itu karam termasuk seorang daripada mereka yang ditemui maut itu.

Katanya, sembilan tekong atau kru bot penyeludupan



BOT besar bawa pelarian Rohingya dari kem pelarian Cox Bazar di Myanmar memasuki perairan negara di Pantai Teluk Nibong, Langkawi.

migran itu dipercayai meninggalkan bot membawa etnik Rohingya berkenaan dengan menaiki satu lagi bot.

“Bot itu dipercayai dari-

pada kem pelarian Cox Bazar di Myanmar yang mengambil masa hampir empat bulan untuk tiba di Langkawi,” katanya.

Sumber berkata, bot ber-

kenaan dipercayai membawa lebih 500 etnik Rohingya dan 200 daripadanya dilaporkan mati ketika dalam perjalanan namun pihak berkuasa masih menyangka

perkara berkenaan. Katanya, semua pelarian terbabit dibawa ke Kem Wawasan Negara di Ulu Melaka, Langkawi untuk proses dokumentasi.

Harian Metro difahamkan, satu sidang media akan diadakan pihak berkuasa berhubung pendaratan terbaru etnik Rohingya itu dalam masa terdekat.